

# Cabutan

Ancaman komunis di Sarawak Barat dan dari kira-kira 800 orang komunis yang diketahui berada di Sarawak hanya tiga orang yang telah menyerah diri – Tun Doktor Ismail.

\*

Majlis Pertahanan Negara adalah badan yang tahu kedudukan keselamatan yang sebenarnya badan inilah juga yang membuat ukuran keselamatan – Tun Doktor Ismail.

\*

Memang menjadi tujuan komunis untuk meresap masuk ke dalam politik – Tun Doktor Ismail.

\*

Persoalan jawatan Ketua Menteri di Sarawak itu tidak dapat dipisahkan dengan persoalan ancaman komunis – Tun Doktor Ismail.

\*

Kami menganggap kerajaan pusat hendak bertindak sebagai doktor di Sarawak tetapi sebenarnya memberi racun kepada orang-orang di sana – Datuk Muhammad Asar.

\*

Kami menentang perisytiharan undang-undang darurat kerana sebenarnya tidak ada ancaman keselamatan di Sarawak oleh komunis – Doktor Tan Chi Kun

\*

Jawatan Yang Dipertua Majlis Islam Singapura yang bakal ditubuhkan itu adalah sambilan-sambilan sahaja – Othman Wok.

\*

Penubuhan Majlis Islam Singapura mungkin dijalankan pada awal tahun hadapan – Othman Wok

\*

Pemimpinan pimpinan bersatu-patut ialah yang paling ramai datang ke majlis-majlis yang bukan bercorak agama walaupun jauh dari rumahnya tetapi kalau majlis agama mereka tidak memerlukannya – Datuk Haji Meor Arif Yang Dipertua Jabatan Agama Perak.

\*

Saya berasa kesal mendapati majlis-majlis perayaan agama hanya dihadiri oleh pak lebai, tok imam dan rakyat biasa sedang muka pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar tempatan tidak kelihatan langsung – Datuk Meor Arif.

\*

Adalah mendukacitakan kerana ada orang-orang Islam sendiri yang suka munonjol-nonjol keburukan penganut-penganut agama Islam di kalangan penganut-penganut agama lain – Datuk Meor Arif.

## Kata-kata Hikmah

Orang yang tidak mencintai akan tanah air, ia tidak akan dapat mencintai sesuatu yang lain di alam jagat ini – (Lord Byron).

\* \* \*

Manusia yang tidak mahu mengikut peredaran zaman, tak ubah seperti keadaan air yang tidak mengalir, lama kelamaan air itu akan menjadi busuk hingga tak boleh digunakan. – (Blake).

\* \* \*

Barang siapa dengki kepada manusia-manusia, ia mulai menyusahkan dirinya sendiri.

## Majlis Tabayan<sup>1</sup> dan Tahlil buat al-Shahid Sayyid Qutb dan rakan-rakannya yang dinaikkan ke tiang gantungan oleh Gamal Abdel Nasser.

Bertempat di Markaz al-Jam'iyyah al-Da'wah al-Islamiyyah Singapura, pada hari Sabtu tanggal 17 September 1966 yang lalu Qalam bahagian tabligh telah mengadakan majlis taibin dan tahlil kerana memperingati jasa-jasa besar seorang sarjana dan ahli fikir Islam Sayyid Qutb bersama rakannya Yusuf Huwasy dan Abdul Fatah Ismail yang telah mati syahid di tiang gantungan Gamal Abdel Nasser kerana dituduh membuat komplotan hendak membunuh *President* Republik Arab Bersatu dan menggulingkan kerajaan yang ada sekarang,

Majlis di mulai pukul 4.30 petang dengan pembacaan al-Qur'an al-Karim, setelah itu diiringi dengan ucapan mengenang jasa yang disampaikan oleh saudara Abdullah bin Hamid al-Edrus Ketua Qalam bahagian tabligh.

Dengan secara kebetulan hadir sama di dalam majlis tersebut Tuan Inamullah Khan Setiausaha Agung Motamar Al-Alam Al-Islami dari Karachi dalam masa lawatannya ke Singapura. Dengan kehadirannya itu beliau juga tidak ketinggalan memberikan ucapannya yang bersemangat di dalam bahasa Inggeris yang menyatakan bahawa dunia Islam berasa malu bahawa pembunuhan dilakukan oleh sebuah negara yang mengatakan dirinya negara Islam terhadap cita-cita golongan yang menghendaki agama Islam berdaulat di negara Mesir.

Akhir sekali majlis ditutup dengan bacaan tahlil dan jamuan teh. Ramai kaum muslimin datang menghadiri majlis tersebut.

<sup>1</sup> diteka dengan tabayan kerana bayan merupakan majlis penerangan oleh jemaah tabligh